

# Penyelidikan menyumbang pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman ketika merasmikan Mesyuarat Lembaga Pengarah SEAMEO BIOTROP Ke-55 di Hotel Centrepoint, Gadong.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Oktober. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman yakin, Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Biologi Tropika (SEAMEO BIOTROP) memainkan peranan penting dalam menyediakan pengetahuan saintifik dan pembinaan keupayaan dalam memulihara dan mengurus biologi tropika yang mampan untuk

kesejahteraan masyarakat dan persekitaran Asia Tenggara.

Yang Berhormat juga percaya bahawa Brunei Darussalam boleh menyumbang ke arah merealisasikan visi dan misi SEAMEO BIOTROP.

"Negara Brunei Darussalam mempunyai kekayaan semula jadi. Ini adalah sumber dan warisan, yang merupakan pendekatan khusus untuk penyelidikan, pemahaman dan dokumentasi, dan pemuliharaan dan pengurusan

yang berterusan," ujar Yang Berhormat semasa merasmikan Mesyuarat Lembaga Pengarah SEAMEO BIOTROP Ke-55 di Hotel Centrepoint, Gadong, di sini.

Menurut Yang Berhormat, institusi pendidikan tinggi mempunyai keupayaan pengetahuan terkini dan amalan terbaik dalam biologi tropika, khususnya Universiti Brunei Darussalam (UBD). UBD mengenal pasti Penyelidikan Biodiversiti sebagai salah satu fokus penyelidikannya bermatlamat untuk menyumbang ke arah pemanfaatan dan

pemuliharaan biodiversiti serta ekosistem tropika.

Di bawah Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar UBD (IBER), jelas Yang Berhormat, ia mempunyai Pusat Penyelidikan Lapangan bertaraf dunia di Kuala Belalong, yang telah menjalankan penyelidikan dan kerjasama inovatif dan canggih dengan para saintis dan institut pengajian tinggi yang terkenal di peringkat antarabangsa.

Selain penyelidikan tambah Yang Berhormat, pusat ini juga menyediakan peluang yang tiada tandingan bagi latihan berdasarkan bidang dan menawarkan program pendidikan alam sekitar yang lebih berjaya untuk anak-anak sekolah menengah dan lulusan tempatan dan antarabangsa.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam ucapannya juga difahamkan bahawa Lembaga Pengarah SEAMEO BIOTROP mempunyai mandat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi penekanan pada sumber manusia di Asia Tenggara.

Jelas Yang Berhormat lagi, aktiviti-aktiviti sedemikian termasuk penyelidikan, latihan, rangkaian, dan penyebaran maklumat dalam biologi tropika melalui pertukaran kakitangan, yang tertumpu pada dua teras, iaitu biologi tropika untuk kebajikan masyarakat dan integriti alam sekitar tropika biologi yang mana ia menyumbang dalam menangani masalah kemiskinan dan perubahan iklim di Asia Tenggara dan sekitarnya.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi semasa berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Lembaga Pengarah SEAMEO BIOTROP Ke-55.

Mesyuarat dijalankan selama 3 hari bermula 16 hingga 18 Oktober. Ia merupakan aktiviti tahunan, di mana ahli lembaganya mewakili 11 negara anggota SEAMEO, membincangkan dan memberi panduan pada operasi dan pelaksanaan mandat pusat dan aktiviti berkaitan yang dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan beberapa wakil dari 10 negara anggota SEAMEO, Timbalan Pengarah Sekretariat SEAMEO bagi Pentadbiran dan Komunikasi, duta-duta negara-negara anggota SEAMEO ke Brunei Darussalam dan wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan.

## UNISSA lalui pelbagai cabaran raih kemajuan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menjangkau 10 tahun usia penubuhannya pada tahun ini dan semenjak satu dekad itu, UNISSA menyongsong pelbagai cabaran dan dugaan serta meraih beberapa perkembangan kemajuan.

Sehingga kini, UNISSA telah berjaya melahirkan seramai 1,020 graduan dalam pelbagai peringkat pengajian.

Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-7, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas menjelaskan, UNISSA memulakan operasinya dengan pengambilan sulung seramai 107 pelajar yang mengikuti dalam 10 program yang ditawarkan oleh empat buah fakulti dan pada hari ini, universiti ini mempunyai seramai 1,096 pelajar yang sedang mengikuti pengajian dalam 37 program akademik di lima buah fakulti dan tiga pusat kecemerlangan akademik sekali gus menyaksikan purata peningkatan kemasukan pelajar baharu setiap tahun sebanyak 19 peratus.

Melihat perkembangan positif, UNISSA semakin menjadi pilihan

para pelajar dalam dan luar negara tambah Dr. Awang Haji Norarfan, dan akan terus mengekalkan niche kurikulumnya yang bersepadu.

Di samping Kursus Al-Quran sebagai kursus teras semua peringkat pengajian, UNISSA juga mewajibkan Kursus ICT dan paling terbaru Kursus Entrepreneurship (keusahawanan) sebagai kursus asas bagi semua pelajar prasiswazah.

"Kurikulum merentasi disiplin dengan pengembangan beberapa program yang *marketable* mengikut tuntutan industri semasa ini sangat signifikan dalam usaha melahirkan 'Generasi Berugama dan Progresif' Menjelang 2035," tambah Rektor UNISSA.

Sementara itu, sesuai dengan kepekaan global dalam industri halal yang dijangka sangat berpotensi menjana pendapatan tinggi dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara, UNISSA telah menujuhkan 'Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban' yang kini menawarkan program minor dalam Sains Halal dan menjadi antara program minor yang sangat diminati.

Dalam agenda pengantarabangsa pula tambahnya, UNISSA telah menjalin kerjasama strategik dengan 74 buah institusi

pengajian tinggi dan badan profesional serantau dan antarabangsa melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA).

Jalinan strategik ini sembah Rektor UNISSA, telah membuka banyak peluang kerjasama sinergi dan perkongsian ilmu serta penerokaan penyelidikan di samping beberapa program penghantaran pelajar dengan kos yang minima.

Beliau seterusnya berkata, UNISSA juga telah menganggotai lapan pertubuhan universiti yang berprestij peringkat serantau dan antarabangsa di mana penyertaan dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah bagi memastikan kualiti akademik yang ditawarkan di UNISSA setara dengan universiti-universiti lainnya di peringkat antarabangsa.

Sejak kehadiran UNISSA yang menawarkan program pengajian Islam di rantau ini, UNISSA mula menjadi pilihan alternatif bagi pelajar serantau dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian Islam mereka ke peringkat lebih tinggi, di mana sekitar 10 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar UNISSA ketika ini terdiri daripada pelajar antarabangsa dan hingga ke hari ini, UNISSA telah menerima seramai 197 pelajar antarabangsa dari 34 buah negara.

Di samping itu, UNISSA tambahnya juga, tidak mengenepikan pemerkasaan



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-7 UNISSA, di Pusat Persidangan Antarabangsa.

**UNISSA juga telah menganggotai lapan pertubuhan universiti yang berprestij peringkat serantau dan antarabangsa di mana penyertaan dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah bagi memastikan kualiti akademik yang ditawarkan di UNISSA setara dengan universiti-universiti lainnya di peringkat antarabangsa.**  
**Sejak kehadiran UNISSA yang menawarkan program pengajian Islam di rantau ini, UNISSA mula menjadi pilihan alternatif bagi pelajar serantau dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian Islam mereka ke peringkat lebih tinggi, di mana sekitar 10 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar UNISSA ketika ini terdiri daripada pelajar antarabangsa dan hingga ke hari ini, UNISSA telah menerima seramai 197 pelajar antarabangsa dari 34 buah negara.**

kapasiti masyarakat, di mana Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang telah memulakan operasinya pada tahun ini dihasrat sebagai platform kepada pegawai-pegawai kerajaan

dan swasta serta masyarakat untuk menggalakkan budaya pembelajaran berterusan demi membentuk sebuah bangsa yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.